



Amaran!

Pihak Jabatan Agama Islam Perak tidak bertanggungjawab terhadap sebarang penambahan ayat selain kandungan khutbah yang dikeluarkan.

## "PEMATUHAN UNDANG-UNDANG JALAN RAYA: AMANAH NYAWA, TANGGUNGJAWAB IMAN"

24 April 2026 / 6 Zulkaedah 1447

الْحَمْدُ لِلَّهِ<sup>1</sup> الْقَائِلِ

﴿وَاللَّهُ أَخْرَجَكُمْ مِنْ بُطُونِ أُمَّهَاتِكُمْ لَا تَعْلَمُونَ شَيْئًا وَجَعَلَ لَكُمُ السَّمْعَ

وَالْأَبْصَرَ وَالْأَفْئِدَةَ لَعَلَّكُمْ تَشْكُرُونَ ﴿سورة النحل ﴿٧٨﴾

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ<sup>2</sup> وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، يَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا<sup>3</sup> اللَّهَ أَوْصِيَكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

### Jemaah yang dirahmati Allah

Marilah kita meningkatkan ketakwaan kepada Allah SWT dengan sebenar-benar takwa, melaksanakan segala perintah-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya. Mudah-mudahan dengan ketakwaan, hidup kita diberkati, urusan kita dipermudahkan, dan akhir kehidupan kita ditutup dengan husnul khatimah.

Alhamdulillah, segala puji bagi Allah, Tuhan yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang, yang mengurniakan kita nikmat kehidupan, keamanan dan kemudahan untuk bergerak di atas muka bumi ini sebagai satu amanah, serta menjadikan keselamatan satu nikmat besar; Dialah yang menganugerahkan akal untuk berfikir, hati untuk merasa dan syariat sebagai panduan agar manusia tidak binasa oleh perbuatannya sendiri.

Selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad, *qudwah* terbaik dalam memelihara hak Allah dan hak sesama manusia, ke atas ahli keluarga baginda, para sahabat, serta seluruh umat yang istiqamah menuruti jejak langkah dan sunnah baginda hingga ke hari kiamat.

<sup>1</sup> Memuji Allah SWT

<sup>2</sup> Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

<sup>3</sup> Pesan Taqwa



Pada hari yang penuh barakah ini, mimbar mengajak sidang Jumaat untuk menghayati khutbah yang disediakan bersempena Sambutan Ulang Tahun ke-80 Jabatan Pengangkutan Jalan Malaysia bertajuk, **"PEMATUHAN UNDANG-UNDANG JALAN RAYA: AMANAH NYAWA, TANGGUNGJAWAB IMAN"**

Sesungguhnya Islam adalah agama yang amat mementingkan keselamatan nyawa manusia. Dalam maqasid syariah, pemeliharaan nyawa (*hifz an-nafs*) merupakan antara matlamat utama syarak selepas pemeliharaan agama.

Justeru, kewujudan undang-undang jalan raya serta agensi penguatkuasaan seperti Jabatan Pengangkutan Jalan, bukan bertujuan mahu menyusahkan rakyat, sebaliknya merupakan satu bentuk siasah syariah, iaitu pentadbiran berteraskan syarak, demi menjaga kemaslahatan dan keselamatan umum. Firman Allah dalam Surah Al-Baqarah ayat 195:

وَلَا تُلْقُوا بِأَيْدِيكُمْ إِلَى التَّهْلُكَةِ

Bermaksud: "Dan janganlah kamu sengaja mencampakkan diri kamu ke dalam bahaya kebinasaan."

Ayat 195 Surah al-Baqarah, secara nyata melarang kita melakukan perbuatan yang boleh memudaratkan diri sendiri dan orang lain. Dalam hubungan jalan raya, memandu melebihi had laju, melanggar lampu isyarat, tidak memakai tali pinggang keledar, atau memandu tanpa lesen yang sah merupakan perbuatan-perbuatan yang mendekatkan diri dengan kebinasaan.

Perangkaan Polis Diraja Malaysia (PDRM) menunjukkan dalam tahun 2025, lebih setengah juta kemalangan berlaku di jalan raya, mengakibatkan 6,537 kematian. Selain membahayakan nyawa dan hak orang lain, kesalahan-kesalahan jalan raya, turut membawa kerugian besar kepada negara. Berdasarkan angka kematian dan kecederaan parah akibat kemalangan jalan raya, negara dianggarkan mengalami kerugian hampir 18 bilion ringgit pada tahun 2010, bersamaan 2.2% Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK), dan jumlah ini meningkat kepada lebih 25 bilion ringgit pada tahun 2023, akibat kos rawatan kemalangan, kehilangan produktiviti, serta kerosakan harta benda.



Oleh itu, mematuhi undang-undang jalan raya bukan sahaja menepati prinsip maqasid syariah, tetapi turut menyumbang kepada kesejahteraan masyarakat dan kemakmuran negara.

### Jemaah yang dimuliakan

Islam ialah agama yang sangat tegas dalam perkara keselamatan. Allah SWT menurunkan syariat bukan untuk menyusahkan manusia, tetapi untuk memelihara kehidupan. Firman Allah dalam Surah An-Nisa ayat 59:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا أَطِيعُوا اللَّهَ وَأَطِيعُوا الرَّسُولَ وَأُولِي الْأَمْرِ مِنْكُمْ

Bermaksud: "Wahai orang-orang yang beriman, taatlah kamu kepada Allah dan taatlah kamu kepada Rasulullah dan kepada Ulil Amri (orang-orang yang berkuasa) dari kalangan kamu."

Maka apabila Kerajaan menetapkan peraturan kenderaan dan tatacara pemanduan, tujuannya adalah untuk ketertiban dan keselamatan. Oleh itu mematuhinya dengan niat menjaga keselamatan diri sendiri serta keselamatan orang lain, insya-Allah akan dicatat sebagai satu amal soleh dan ibadah. Oleh itu, para pemandu perlu memberikan perhatian serius terhadap tiga perkara berikut:

**Pertama: Diri:** iaitu kesiapsiagaan semasa memandu, pematuhan kepada semua peraturan jalan raya, dan sikap positif dalam perjalanan;

**Kedua: Kenderaan:** yang menepati segala peraturan teknikal; memastikan keselamatan dan keselesaan semasa perjalanan;

**Ketiga: Dokumen;** yang lengkap seperti lesen, perlindungan takaful, cukai jalan dan permit berkenaan.

### Jemaah Rahimakumullah

Dalam kerangka Maqasid Syariah, antara tujuan utama syariat Islam ialah *hifz al-nafs*, iaitu menjaga dan memelihara nyawa manusia, kerana nyawa bukan milik mutlak kita; nyawa merupakan satu amanah daripada Allah yang wajib dipelihara. Justeru, setiap undang-undang jalan raya yang digubal seperti penetapan had laju, kewajipan pemakaian topi keledar dan tali pinggang keselamatan; larangan melanggar lampu isyarat merah, memotong barisan,



memotong di garisan berkembar, memandu di lorong kecemasan dan menggunakan telefon bimbit ketika memandu; semuanya selari dengan maqasid syariah, dan bukan sekadar peraturan pentadbiran; bahkan, merupakan instrumen syarak untuk mencegah kemudaratan. Kaedah fiqh menyebut:

## دَرْءُ الْمَفَاسِدِ مُقَدَّمٌ عَلَى جَلْبِ الْمَصَالِحِ

laitu menolak kemudaratan didahulukan daripada mengambil manfaat. Jika pemanduan laju hanya memberikan kepuasan sementara tetapi berisiko meragut nyawa, maka Islam mendahulukan pencegahan mudarat daripada berlaku.

Seorang Muslim sejati bukan hanya dikenali melalui solat dan ibadahnya, tetapi melalui akhlakunya dalam kehidupan bermasyarakat; dan sifat mematuhi undang-undang jalan raya merupakan cerminan disiplin, tanggungjawab serta ihsan terhadap diri sendiri dan orang lain. Hal ini selari dengan sabda Rasulullah SAW:

“Tidak boleh melakukan perbuatan yang memudaratkan diri sendiri dan tidak boleh memudaratkan orang lain” (Hadis riwayat Ibn Majah).

Hadis tersebut meletakkan asas bahawa setiap tindakan kita hendaklah bebas daripada unsur membahayakan, termasuk ketika berada di jalan raya.

Oleh itu marilah kita memperbaharui adab kita di jalan raya, memulakan perjalanan dengan berdoa, agar perjalanan kita diberkati, mengamalkan sikap bertolak ansur dan sabar, supaya emosi tidak menguasai diri, hingga mendorong pergaduhan atau perbuatan membuli di jalan raya, serta memastikan kenderaan berada dalam keadaan selamat sebagai sebahagian daripada ikhtiar sebelum kita bertawakal kepada Allah.

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.



## Khutbah Kedua

الْحَمْدُ لِلَّهِ<sup>4</sup> حَمْدًا كَثِيرًا طَيِّبًا مُبَارَكًا فِيهِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ،  
وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ<sup>5</sup> وَعَلَى آلِهِ  
وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، يَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ<sup>6</sup> وَكُونُوا مَعَ الصَّادِقِينَ.

### Muslimin yang dirahmati Allah,

Mimbar menyeru para jemaah agar tetap berpegang kepada aqidah Islamiah berteraskan Ahli Sunnah Waljamaah, yang menjadi warisan Rasulullah SAW, sahabat dan tabiin, serta para ulama yang muktabar meliputi aliran *Asya'irah* dan *Maturidiyyah*. Jagalah hubungan dengan Allah SWT dan sesama manusia. Makmurkan rumah-rumah Allah dengan istiqamah mengerjakan ibadah, terutama solat fardu berjemaah. Perbanyakkan selawat dan salam ke atas Nabi Muhammad SAW.

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا<sup>7</sup>  
اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ  
عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ  
حَمِيدٌ مَجِيدٌ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ<sup>8</sup>، وَأَصْلِحْ ذَاتَ بَيْنِهِمْ  
وَأَلِّفْ بَيْنَ قُلُوبِهِمْ وَاجْعَلْ فِي قُلُوبِهِمُ الْإِيمَانَ وَالْحِكْمَةَ، وَثَبِّتْهُمْ عَلَى مِلَّةِ رَسُولِ اللَّهِ ﷺ.  
اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ وَأَنْصُرْ إِخْوَانَنَا وَأَخَوَاتِنَا وَأَطْفَالَنَا فِي فَلَسْطِينَ، وَاحْفَظْ  
أَهْلَهَا وَأَنْصُرْ جُنُودَهَا وَدَمِّرْ أَعْدَاكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

**Ya Allah! Ya Rabbal 'alamin!** Kurniai kami dan pengguna jalan raya petunjuk dan panduan Mu untuk bersifat sabar, mematuhi undang-undang dan peraturan, serta lindungi kami dan keluarga kami daripada sebarang kemalangan ketika berada di jalan raya.

<sup>4</sup> Memuji Allah

<sup>5</sup> Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

<sup>6</sup> Pesan Taqwa

<sup>7</sup> Ayat Al-Quran

<sup>8</sup> Doa untuk Kaum Muslimin



**Ya Mannan! Ya Razzaq!**, berkatilah hamba Mu yang melaksanakan zakat, wakaf dan sedekah. Kurniai mereka rezeki berlipat ganda, sucikan harta dan jiwa mereka; jauhi golongan *fuqara* dan *masakin* daripada kekufuran dan kefakiran yang berpanjangan.

**Ya Aziz! Ya Qahhar!** Lindungi umat Islam yang sedang dizalimi serta ditindas oleh musuh-musuh Islam terutamanya umat Islam di Palestin dan Iran yang kini menjadi mangsa kezaliman rejim Zionis Israel, bersama Amerika Syarikat dan sekutu mereka; limpahi ihsan Mu membela dan mengurniakan kemenangan kepada hamba-hamba Mu di bumi Palestin dan Iran untuk dapat kembali hidup dalam suasana yang aman, selamat serta makmur.

**Ya Mu'min! Ya Muhaimin!** Jauhi kami daripada kemurkaan Mu; jauhi kami daripada termasuk dalam kalangan orang-orang yang terhalang mendapat nikmat Mu; jauhi kami daripada kesengsaraan, bencana dan malapetaka. Jauhi kami daripada kejahilan dan kezaliman. Limpahi rahmat Mu agar negara kami berada dalam keadaan selamat dan makmur, rakyatnya hidup dalam suasana aman dan muhibah.

**Ya Maalikal Mul!** Lantiklah untuk urusan kami, orang-orang yang terbaik dalam kalangan kami. Jangan Engkau lantik untuk urusan kami, orang-orang yang terburuk dalam kalangan kami. Hindari negara kami daripada kehancuran disebabkan perbuatan rasuah; serahkan tanggungjawab pimpinan dan pengurusan negara kami kepada kalangan hamba Mu yang amanah lagi ikhlas, serta tegas lagi berani menegakkan kebenaran dan melaksanakan keadilan berlandaskan hukum.

**Ya Muiz! Ya Adzhiim! Ya Kabiir!**, kurniakanlah taufik dan hidayah Mu terhadap raja kami, Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah, dan Raja Permaisuri Perak Darul Ridzuan Tuanku Zara Salim serta kerabat diraja dan seluruh rakyat jelata.

رَبَّنَا إِنَّا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةٌ وَفِي الآخِرَةِ حَسَنَةٌ وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ  
عِبَادَ اللَّهِ، ﴿إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ  
وَالْمُنْكَرِ وَابْتِغَىٰ لِعَظْمِكُمْ لَعَّكُمْ تَذَكَّرُونَ﴾ فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوهُ عَلَىٰ  
نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ، وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.